


Pemeriksaan Cecair Penyejuk

Periksa paras cecair penyejuk di dalam tangki simpanan semasa enjinnya sejuk.

1. Letakkan skuter anda dengan tongkat tengah pada permukaan yang kukuh dan rata.
2. Pastikan paras cecair penyejuk berada di antara tanda paras UPPER dan LOWER pada tangki simpanan.



Jikalau paras cecair penyejuk berkurangan dengan jelas dan pantas, anda mungkin mengalami masalah kebocoran. Hantarkan skuter anda untuk diperiksa oleh wakil pendergar yang sah.

Penambahan Cecair Penyejuk

Jikalau paras cecair penyejuk berada di bawah tanda paras LOWER, tambahkan cecair penyejuk yang disyorkan (MS. 77) hingga ia mencapai tanda paras UPPER. Tambahkan cecair sahaja dari penutup tangki simpanan dan jangan tanggalkan penutup radiator.

1. Tanggalkan alas lantai.
2. Tanggalkan penutup tangki simpanan dengan memasukkan pemutar skru kepala rata dengan kain pelindung ke dalam celahan atas lantai.